


158439 -

4000008976



PERAMALAN KADAR KEMASUKAN PENAGIH DADAH KE PUSAT SERENTI
MUAR DAN TAMPOI DI JOHOR BARU

SITI NORHANA BINTI SAMSUDIN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS DENGAN KEPUJIAN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2006

PERPUSTAKAAN UMS



1400008976



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JL: Peramalan kadar kemunculan pengih dadah

Pusat Sirenti Muar dan Tempoi di Johor Bahru.

AH: Sarjana Muda (Matematik dengan Ekonomi)A. SITI NORHANA BINTI SAMSUDIN SESI PENGAJIAN: 2003 - 2006
(HURUF BESAR)

aku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

<input type="checkbox"/>	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
<input checked="" type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
<input type="checkbox"/>	TIDAK TERHAD	

Disahkan Oleh

J. Hase.
TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

mat Tetap: 17A Jg. Jeram
44, 81500 Pekan
enass, Johor.Pn. Siti Rahayu Mohd. Hashim
Nama Penyelia

kh: _____

Tarikh: 27/4/06

TATAN: - *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

17 Mac 2006

S-Han-

SITI NORHANA BINTI SAMSUDIN

HS2003-3110



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DIPERAKUKAN OLEH


Tandatangan

1. PENYELIA


(PN. SITI RAHAYU BINTI MOHD. HASHIM)

**2. PEMERIKSA 1**


(PN. NORAINI BINTI ABDULLAH)

**3. PEMERIKSA 2**

(PROF. DR. ZAINODIN HAJI JUBOK)

**4. DEKAN**

(SUPT. (K) PROF. MADYA DR. SHARIFF A.K OMANG)

**UMS**
UNIVERSITI MAI AYSIA SARAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, akhirnya dapat juga saya menyiapkan tesis saya pada masa yang telah ditetapkan.

Di sini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya, Puan Siti Rahayu binti Mohd. Hashim kerana banyak memberi tunjuk ajar dan galakan untuk saya menyiapkan tesis ini.

Di samping itu juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu sekiranya saya memerlukan pertolongan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada komandan Pusat Serenti Muar dan Tampoi di Johor Baru kerana bekerjasama untuk memberi penjelasan tentang rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti tersebut. Tidak lupa juga kepada En. Mohd. Romlay bin Baie, Ketua Penolong Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan di Putrajaya kerana dapat memberi kerjasama dengan memberi data yang lengkap untuk kajian ini.

Kepada ibubapa tercinta, terima kasih diucapkan kerana memberi perangsang dan galakan serta membantu dari segi kewangan sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

SITI NORHANA BTE SAMSUDIN

HS2003-3110

17 MAC 2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ABSTRAK

Kajian yang dibuat adalah untuk mengenalpasti model peramalan yang sesuai untuk meramal kadar kemasukan penagih dadah ke Pusat Serenti Muar dan Tampoi di Johor Baru. Data diperolehi daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan di Putrajaya. Kajian ini menggunakan 60 bilangan cerapan iaitu data bulanan dari tahun 2000 hingga 2004. Kaedah purata bergerak ringkas dan pelicinan eksponen tunggal telah digunakan dalam peramalan siri ini. Model purata bergerak ringkas (tempoh-dua) dan pelicinan eksponen tunggal ($\alpha = 0.6$) didapati lebih sesuai untuk meramal siri masa bagi Pusat Serenti Muar manakala model purata bergerak ringkas (tempoh-empat) dan pelicinan eksponen tunggal ($\alpha = 0.1$) lebih sesuai bagi meramal siri masa Pusat Serenti Tampoi. Kesimpulannya, peramalan untuk kedua-dua siri masa ini hanya mempertimbangkan komponen ubahan rawak, maka nilai yang diramal berbeza dengan nilai cerapan.



ABSTRACT

FORECASTING THE ENTRANCE RATE OF DRUG ADDICTS TO THE PUSAT SERENTI MUAR AND TAMPOI IN JOHOR BARU

This research is to analyse the time series data and to forecast the entrance rate of drug addicts to the Pusat Serenti Muar and Tamboi in Johor Baru. Data was obtained from the *Agensi Anti Dadah Kebangsaan* in Putrajaya. This research used 60 observations over the 5-year period from 2000 to 2004. The methods for forecasting are simple moving average (SMA) and single exponential smoothing (SES). For the Pusat Serenti Muar, the forecasting method that is ideal is the 2-month moving average and SES with $\alpha = 0.6$. For the Pusat Serenti Tamboi, the 4-month moving average and SES with $\alpha = 0.1$ is ideal to do the forecasting. The conclusion is that the observed and expected data from the model have significant differences. It is because the research only considers the irregular components in the time series data.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SIMBOL	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1-3
1.2 FASA PEMULIHAN DI PUSAT SERENTI	3
1.2.1 Fasa 1: Peringkat Mempelajari	4
1.2.2 Fasa 2: Peringkat Melaksana	4
1.2.3 Fasa 3: Peringkat Mendalami	5
1.2.4 Fasa 4: Peringkat Integrasi	5-7
1.3 OBJEKTIF	7
1.4 SKOP KAJIAN	7
BAB 2 ULASAN PERPUSTAKAAN	
2.1 PENAGIHAN DADAH DI MALAYSIA	8-9
2.2 PENAGIHAN DADAH DAN RESIDIVISME (PENAGIHAN SEMULA)	9-10



2.2.1	Semasa Rawatan	10-11
2.2.2	Selepas rawatan	11-12
2.3	PENGETAHUAN, TINGKAHLAKU DAN PERSEPSI IBUBAPA	12-14
2.4	DAN REMAJA TERHADAP PENYALAHGUNAAN DADAH DI MALAYSIA	
2.5	RAWATAN UNTUK PENAGIH DADAH SECARA DETOKSIFIKASI	14-15
2.6	RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH DI AMERIKA SYARIKAT, GREAT BRITAIN DAN INDONESIA	15-16
2.5.1	Amerika Syarikat	16-17
2.5.2	Great Britain	17
2.5.3	Indonesia	18

BAB 3 METODOLOGI

3.1	DATA KAJIAN	19
3.2	PERAMALAN (PENELAHAN)	19-20
3.3	TEORI PERAMALAN DAN SIRI MASA	20
3.3.1	Haluan	21-22
3.3.2	Kitar	22-23
3.3.3	Variasi Bermusim	23-24
3.3.4	Turun Naik Tak Sekata atau Ubahan Rawak	25
3.4	PEMBINAAN MODEL PERAMALAN SIRI MASA	26
3.4.1	Data dengan Keempat-empat Siri Masa	26
3.4.2	Data dengan Siri Tidak Tentu	26-27
3.5	PERAMALAN DARIPADA DATA SIRI MASA	27
3.6	PURATA BERGERAK RINGKAS	28-29



3.7	PELICINAN EKSPONEN TUNGGAL	29-31
3.8	PENGUKURAN RALAT	31-33
3.9	UJIAN KEBAGUSAN PENYUAIAN (χ^2)	34-35

BAB 4 KEPUTUSAN DAN ANALISIS DATA

4.1	PENGENALAN	36
4.2	ANALISIS SIRI MASA PUSAT SERENTI MUAR	36-37
4.2.1	Kaedah Purata Bergerak Ringkas	37-39
4.2.2	Kaedah Pelicinan Eksponen Tunggal	40-42
4.2.3	Pemilihan Model dan Ujian Kebagusan Penyuaiian	42-47
4.3	ANALISIS SIRI MASA PUSAT SERENTI TAMPOI	47-48
4.3.1	Kaedah Purata Bergerak Ringkas	48-50
4.3.2	Kaedah Pelicinan Eksponen Tunggal	50-52
4.3.3	Pemilihan Model dan Ujian Kebagusan Penyuaiian	52-56
4.4	PERAMALAN SIRI	57-58

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	ULASAN PERBINCANGAN	59-61
5.1.1	Pusat Serenti Muar	61-62
5.1.2	Pusat Serenti Tampoi	63

BAB 6 KESIMPULAN

6.1	ULASAN KESIMPULAN	64-65
6.2	CADANGAN	65



RUJUKAN	67-68
LAMPIRAN	69-96



SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 1.1 Pusat Serenti di Malaysia Mengikut Negeri	6-7
Jadual 4.1 Ralat reja piawai (RSE) bagi tempoh dua, empat, enam, dan lapan bagi Pusat Serenti Muar.	38
Jadual 4.2 Nilai alfa (α), ralat kuasa dua dan ralat reja piawai menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal bagi Pusat Serenti Muar.	41
Jadual 4.3 Nilai sebenar, nilai ramalan dan nilai ralat untuk kedua-dua model bagi Pusat Serenti Muar.	43
Jadual 4.4 Nilai sebenar, nilai ramalan dan pengiraan χ^2_{kira} bagi Pusat Serenti Muar.	46
Jadual 4.5 Kebarangkalian χ^2 dengan darjah kebebasan, $v = 11$	46
Jadual 4.6 Nilai ralat reja piawai bagi purata bergerak tempoh dua, empat, enam, dan lapan bagi Pusat Serenti Tampoi.	49
Jadual 4.7 Nilai alfa, ralat kuasa dua, dan ralat reja piawai menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal bagi Pusat Serenti Tampoi.	51
Jadual 4.8 Nilai sebenar, nilai ramalan dan nilai ralat untuk kedua-dua model bagi Pusat Serenti Tampoi.	53
Jadual 4.9 Nilai sebenar, nilai ramalan dan pengiraan χ^2_{kira} bagi Pusat Serenti Tampoi.	55



Jadual 4.10	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah purata bergerak ringkas (SMA) tempoh dua dan empat.	68
Jadual 4.11	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah purata bergerak ringkas (SMA) tempoh enam dan lapan.	70
Jadual 4.12	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.1$ dan 0.2	72
Jadual 4.13	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.3$ dan 0.4	74
Jadual 4.14	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.5$ dan 0.6	76
Jadual 4.15	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.7$ dan 0.8	78
Jadual 4.16	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Muar menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.9$	80
Jadual 4.17	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan kaedah purata bergerak ringkas (SMA) tempoh dua dan empat.	82



Jadual 4.18	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan 84kaedah purata bergerak ringkas (SMA) tempoh enam dan lapan.	84
Jadual 4.19	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.1$ dan 0.2	86
Jadual 4.20	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.3$ dan 0.4	88
Jadual 4.21	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.5$ dan 0.6	90
Jadual 4.22	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.7$ dan 0.8 .	92
Jadual 4.23	Nilai sebenar, nilai ramalan dan ralat bagi Pusat Serenti Tampoi menggunakan kaedah pelicinan eksponen tunggal (SES) dengan nilai $\alpha = 0.9$.	94



SENARAI RAJAH

	Muka surat	
Rajah 3.1	Siri masa hasil jualan sebuah syarikat secara sukuan tahunan	21
Rajah 3.2	Siri masa hasil pertanian di Malaysia dari tahun 1990-2000	23
Rajah 3.3	Siri masa bilangan rumah yang didirikan dari tahun 1990-1997	24
Rajah 3.4	Siri masa kadar kemalangan jalan raya dari tahun 1970-1987	25
Rajah 4.1	Plot siri masa bilangan kemasukan peghuni ke Pusat Serenti Muar	37
Rajah 4.2	Plot siri masa bagi nilai sebenar, nilai ramalan melalui kaedah purata bergerak ringkas (SMA2) dan nilai ramalan melalui kaedah pelicinan eksponen tunggal ($\alpha = 0.6$).	44
Rajah 4.3	Taburan kebarangkalian χ^2 , dengan 11 darjah kebebasan.	47
Rajah 4.4	Plot siri masa bilangan kemasukan penghuni ke Pusat Serenti Tampoi	48
Rajah 4.5	Plot siri masa bagi nilai sebenar, nilai ramalan melalui kaedah purata bergerak ringkas (SMA4) dan nilai ramalan melalui kaedah pelicinan eksponen tunggal ($\alpha = 0.1$).	54
Rajah 4.6	Taburan kebarangkalian χ^2 , dengan 11 darjah kebebasan	56



SENARAI SIMBOL

α	alfa, pemalar pelicinan
\geq	lebih besar dan sama dengan
\neq	tidak sama
<i>MSE</i>	<i>mean square error</i>
<i>SSE</i>	<i>sum square error</i>
<i>RSE</i>	Ralat reja piawai
<i>SES</i>	<i>single exponential smoothing</i>
<i>SMA</i>	<i>simple moving average</i>
O_i	kekerapan dicerap
E_i	kekerapan dijangka
H_0	Hipotesis Nol
H_1	Hipotesis Alternatif



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Penyalahgunaan dadah merupakan fenomena yang amat merbahaya dewasa ini. Penyalahgunaan dadah merujuk kepada penggunaan dadah dan bahan-bahan yang lain yang bukan untuk tujuan pengubatan tetapi untuk satu atau lebih tujuan berikut: mengubah rasa hati pengguna, mengubah persepsi terhadap diri sendiri dan dunia sekelilingnya, menghasilkan sensasi dan pengalaman baru, dan memperhebatkan kemampuannya untuk berfungsi dalam setengah-setengah situasi seperti situasi sosial atau seks (Sabri, 1996).

Bermula sebagai satu fenomena tradisional, penagihan dadah telah menjadi masalah keselamatan yang serius di negara kita. Pelbagai usaha dan strategi telah dijalankan terutamanya oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan keutamaan diberikan kepada pencegahan, penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, serta kerjasama serantau dan antarabangsa. Banyak kajian telah dijalankan untuk mengetahui faktor utama



penyalahgunaan dadah. Antara faktor utamanya ialah keluarga, psikologi dan persekitaran. Ini dibuktikan dengan beberapa kajian yang telah dibuat oleh Mahmud dan Shuaib (1999) yang melaporkan bahawa kebanyakan penagih dadah datang dari keluarga yang ibubapanya telah bercerai atau tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan ibubapa. Faktor psikologi pula dikaitkan dengan tekanan yang dihadapi oleh individu contohnya individu yang tidak memperolehi pekerjaan, kemiskinan, tidak berpelajaran, dan perasaan untuk mencuba sesuatu. Bagi individu yang tinggal di persekitaran yang dipenuhi dengan pengaruh dadah, mereka ini lebih cenderung kepada penggunaan dadah berbanding dengan persekitaran yang lebih neutral. Di samping itu, kawan-kawan didapati memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penglibatan dengan dadah. Kajian James (1987) telah menunjukkan kepentingan pengaruh rakan-rakan melalui sejumlah 2510 pengguna dadah lelaki. Analisis data dari soal selidik ini menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara pengaruh rakan-rakan dengan penggunaan dadah.

Di negara kita, AADK telah menggubal strategi pemulihan dengan tujuan untuk memutuskan penggantungan penagih dadah kepada bahan dan seterusnya mencegah penagihan semula. Pemulihan institusi di Pusat-pusat Serenti selalunya dikhurasukan kepada penagih tegar, berulang ataupun mereka yang telah melepas takrifan “experimental users”. Dalam institusi pemulihan, penagih dadah diasangkan daripada masyarakat untuk seketika bagi menjalani program rawatan dan pemulihan secara intensif. Selalunya penagih-penagih untuk rawatan institusi dikenalpasti melalui peruntukan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Tempoh maksima penagih menjalani rawatan adalah selama dua tahun. Dalam tempoh rawatan ini penagih akan menjalani empat fasa

pemulihan iaitu Fasa 1; peringkat mempelajari, Fasa 2; peringkat melaksana, Fasa3; peringkat mendalami, dan Fasa 4; peringkat integrasi.

Aktiviti pemulihan yang dijalankan terbahagi kepada empat bahagian iaitu aktiviti pemulihan fizikal, pemulihan psikologikal, pemulihan disiplin diri dan pemulihan moral dan sivil. Aktiviti pemulihan fizikal meliputi seliaan perubatan dan makanan berzat daripada pihak Pusat Serenti. Aktiviti pemulihan psikologikal yang dijalankan adalah program motivasi, kaunseling keluarga dan kaunseling secara berkelompok. Aktiviti pemulihan sosial pula lebih tertumpu kepada latihan kemahiran seperti karyaneka, pertukangan kayu, kimpalan, pembuatan roti dan kek, binaan bangunan, projek dapur dan projek seni taman manakala aktiviti pemulihan disiplin diri yang dijalankan adalah latihan kawad kaki, aktiviti rempuh halangan dan pelbagai aktiviti sukan seperti sukan tarik tali dan bola tampar. Sementara itu, aktiviti pemulihan moral dan sivil adalah bersifat keagamaan seperti kursus kefahaman Islam, program membudayakan Al-Quran, ceramah dan kelas agama serta kemudahan perpustakaan. Selain itu, Pusat Serenti juga membenarkan lawatan keluarga iaitu dua minggu sekali pada hari Selasa dan Khamis serta semasa musim perayaan.

1.2 FASA PEMULIHAN DI PUSAT SERENTI

Terdapat empat fasa pemulihan di Pusat Serenti iaitu Fasa 1; peringkat mempelajari, Fasa 2; peringkat melaksana, Fasa 3; peringkat mendalami dan Fasa 4; peringkat integrasi.

1.2.1 Fasa 1: Peringkat Mempelajari

Tempoh minimum untuk Fasa 1 ialah antara tiga hingga empat bulan. Pada peringkat ini penghuni hendaklah memakai baju berwarna merah. Pelbagai program orientasi secara intensif dijalankan oleh pihak pengurusan dan dikendalikan oleh komandan, pakar perubatan, guru agama dan kakitangan-kakitangan Pusat Serenti. Latihan fizikal juga dikenakan untuk membentuk semula fizikal dan mental penghuni. Penghuni juga akan diberi latihan ala tentera pada setiap pagi dan petang. Selain itu, kaunseling turut diadakan yang melibatkan kaunseling secara individu dan berkelompok. Pendidikan asas moral dan keagamaan juga diadakan setiap hari. Aktiviti harian penghuni ialah melakukan pelbagai kerja-kerja berkelompok dan kebersihan. Tanggungjawab diri penghuni mestilah mencapai 25 peratus pada peringkat ini.

1.2.2 Fasa 2: Peringkat Melaksana

Tempoh minimum untuk Fasa 2 pula adalah antara empat hingga tujuh bulan. Penghuni Fasa 2 perlu memakai baju berwarna kuning. Pada peringkat ini, penghuni akan diberi latihan dan terapi cara kerja. Latihan ala tentera pula hanya dilakukan selama sejam sehari. Sesi kaunseling masih lagi dijalankan melibatkan individu dan berkelompok untuk mengetahui perkembangan masing-masing. Pendidikan asas moral dan keagamaan juga tetap menjadi rutin harian penghuni. Pada peringkat ini tanggungjawab diri penghuni mestilah mencapai 50 peratus.

1.2.3 Fasa 3: Peringkat Mendalami

Tempoh minimum bagi Fasa 3 adalah empat hingga tujuh bulan. Pada peringkat ini penghuni akan memakai baju berwarna hijau. Latihan kemahiran dan terapi cara kerja lebih giat dijalankan. Latihan ala tentera pula akan dijalankan empat kali seminggu. Kaunseling secara individu dan berkelompok yang bersepadu turut diadakan. Selain daripada pendidikan moral dan keagamaan, penghuni juga akan diberi latihan kepimpinan dan tatanegara. Tanggungjawab diri penghuni pula mesti mencapai 75 peratus pada peringkat ini.

1.2.4 Fasa 4: Peringkat Integrasi

Tempoh minimum untuk Fasa 4 ialah antara empat hingga lima bulan. Penghuni pada peringkat ini hendaklah memakai baju berwarna putih. Penghuni akan diberi kelonggaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan bebas bergerak di dalam kawasan Pusat Serenti. Latihan kawad pula hanya dilakukan sekali dalam seminggu. Selain itu, penghuni untuk Fasa 4 perlu menjadi *role model* kepada penghuni Fasa 1, 2 dan 3. Pada peringkat ini penghuni akan bersedia untuk dibebaskan dan diberi peluang untuk mencari pekerjaan. Sebelum dibebaskan, tanggungjawab penghuni perlu mencapai sehingga 100 peratus.

Di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan terdapat 28 buah Pusat Serenti dan hanya sebuah sahaja yang menempatkan penghuni wanita iaitu Pusat Serenti Bachok di Kelantan.

Terdapat dua buah Pusat Serenti yang menempatkan penghuni sukarela iaitu PERSADA dan PENGASIH di Wilayah Persekutuan. Jadual 1.1 menunjukkan senarai Pusat Serenti di seluruh Malaysia mengikut pecahan negeri.

Jadual 1.1 Senarai Pusat Serenti mengikut negeri

PUSAT SERENTI	NEGERI
Pusat Serenti Bukit Chabang	Perlis
Pusat Serenti Serdang	Kedah
Pusat Serenti Sungai Petani	
Pusat Serenti Karangan	
Pusat Serenti Bukit Mertajam	Pulau Pinang
Pusat Serenti Kampung Selamat	
Pusat Serenti Batu Kurau	Perak
Pusat Serenti Perlop	
Pusat Serenti Serendah	Selangor
Pusat Serenti Rawang	
Pusat Serenti Dengkil	
PERSADA, Sungai Besi	Wilayah Persekutuan
Pusat Serenti Jelebu	Negeri Sembilan
Pusat Serenti Tiang Dua	Melaka
Pusat Serenti Tampin	
Pusat Serenti Muar	Johor
Pusat Serenti Tampoi	
Pusat Serenti Karak	Pahang
Pusat Serenti Raub	
Pusat Serenti Jerantut	
Pusat Serenti Sungai Ruan	
Pusat Serenti Gambang	
Pusat Serenti Benta	



Pusat Serenti Besut	Terengganu
Pusat Serenti Bachok	Kelantan
Pusat Serenti Jeli	
Pusat Serenti Kuching	Sarawak
Pusat Serenti Papar (PUSPA)	Sabah

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.

1.3 **OBJEKTIF**

Objektif kajian ini dijalankan untuk menentukan model peramalan yang sesuai dan seterusnya meramal kadar kemasukan penagih dadah ke Pusat Serenti Muar dan Tampoi di Johor. Berdasarkan nilai yang diramal, kerajaan boleh membuat perancangan seperti membina lebih banyak Pusat Serenti atau menggubal undang-undang yang lebih ketat terhadap penagih dan pengedar dadah.

1.4 **SKOP KAJIAN**

Kajian ini menfokuskan kepada bilangan penagih dadah yang dapat dikesan dan dimasukkan ke Pusat Serenti Muar dan Tampoi secara bulanan dari tahun 2000 hingga 2004. Data diperolehi daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.



BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 PENAGIHAN DADAH DI MALAYSIA

Khairudin *et al.* (1998) telah membincangkan tentang masalah penagihan dadah di Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk melihat secara keseluruhan tentang penyalahgunaan dadah berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan dari tahun 1970 hingga 1985.

Masalah penagihan dadah telah menular dengan pantasnya terutamanya di kalangan remaja. Dadah jenis heroin merupakan dadah yang paling banyak disalahgunakan di Asia dan Eropah. Masalah ini semakin serius di Malaysia kerana kedudukan negara ini berhampiran dengan tempat penghasilan dadah yang dinamakan Segi Tiga Emas iaitu terdiri daripada negara Thailand, Burma dan Laos. Ketiga-tiga negara ini merupakan tempat penghasilan dadah jenis opium yang terbesar iaitu sebanyak 600 hingga 700 ton setiap tahun. Pada tahun 1970, hanya 711 orang disahkan penagih dadah dan jumlah ini



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

SENARAI RUJUKAN

Brockwell dan Peter, J., 1991. *Time Series: Theory and methods*. Edisi kedua. Springer Verlag, New York.

Bowerman dan Bruce, L., 2005. *Forecasting, Time Series and Regression: An Applied Approach*. Edisi keempat. Thomson Brooks, CA.

Chatfield, C., 1994. *The Analysis of Time Series*. Edisi kelima. Chapman & Hall, New York.

DeLurgio dan Stephen, A., 1998. *Forecasting Principles and Applications*. McGraw.Hill, New York.

Diebold, C.N., 1998. *Time Series and Forecasting Method*. Prentice Hall, USA.

Hinkley, D.V., Barndiff, O.E. dan Nielsen (pnyt.), 1996. *Time Series Model: in econometrics, finance and other fields*. Chapman & Hall, New York.

James, S., 1987. *Drug Abuse Prevention and Rehabilitation in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

KANJI dan Gopal, K., 1993. *100 Statistical Test*. SAGE Publications, London.

Mohd. Khalid dan Mohd. Daud, 1992. *Penelahan Siri Masa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



Khairudin Yusof, Batumalai dan Low W. Y., 1994. *Knowledge, attitudes and Perceptions Related to Drug Abuse in Peninsula Malaysia with Additional Focus on Parents and Adolescents*. Faculty of Medicine, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Lynch, D., 1995. *Applied Science Management*. Prentice Hall, USA.

Mahmod Noh dan Shuaib Rosli, 1999. *Penagihan Dadah dan Residivisme: Aspek-aspek psikososial dan persekitaran*. Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Sabri Yusuh, 1996. *Penyalahgunaan Dadah di Malaysia: Undang-undang dan keberkesanannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Supranto, J., 1994. *Statistik Teori dan Aplikasi*. Edisi kelima. Erlangga, Jakarta.

Yahaya Mahamod., 1993. *Dadah dan Tingkahlaku*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.